



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**
www.ijmoe.com



PEMAKNAAN KOMPARATIF TERHADAP KATA WARNA DALAM BAHASA MANDARIN DAN BAHASA MELAYU

COMPARATIVE MEANING OF COLOUR WORDS IN MANDARIN AND MALAY

Ernahwatikah Nasir^{1*}, Noor Fadilah Dawi²

¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: ernah@ums.edu.my

² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: noorfadilah@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 02.04.2024

Revised date: 20.04.2024

Accepted date: 23.05.2024

Published date: 20.06.2024

To cite this document:

Ernahwatikah Nasir., & Noor Fadilah Dawi. (2024). Pemaknaan Komparatif Terhadap Kata Warna Dalam Bahasa Mandarin Dan Bahasa Melayu. *International Journal of Modern Education*, 6 (21), 140-153.

DOI: 10.35631/IJMOE.621011

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Perkataan warna mampu mencerminkan warisan budaya dan nuansa emosi yang tersirat dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa Melayu. Namun begitu, maksud perkataan warna bersifat subjektif dan mungkin mempunyai persamaan dan perbezaan yang dipengaruhi oleh faktor sejarah, geografi dan tradisi masyarakat Cina dan Melayu. Dengan ini, penulis menggunakan perkataan warna dalam bahasa Mandarin dan Bahasa Melayu sebagai contoh, membincangkan penggunaan dan konotasi warna putih, hitam, merah, kuning dan hijau dalam kedua-dua bahasa tersebut dan meneroka ciri budaya dan emosi dalam perkataan warna dalam kedua-dua bahasa.

Kata Kunci:

Bahasa Mandarin, Bahasa Melayu, Kata Warna, Makna, Makna Budaya

Abstract:

Colour words can reflect the cultural heritage and emotional nuances implicit in Mandarin and Malay. However, the meaning of the word colour is subjective and may have similarities and differences influenced by historical factors, geography and traditions of the Chinese and Malay communities. With this, the writer uses the word colour in Mandarin and Malay as an example, discusses the use and connotation of the colours white, black, red, yellow and green in both languages and explores the cultural and emotional characteristics of the word colour in both languages.

Keywords:

Mandarin, Malay, Colour Words, Meaning, Cultural Meaning

Pengenalan

Dalam pengungkapan bahasa Mandarin dan bahasa Melayu, terdapat banyak kata warna yang mencerminkan warisan budaya dan nuansa emosi yang tersirat dalam kedua-dua bahasa tersebut. Warna adalah objek yang wujud secara objektif, tetapi meskipun sama warnanya, maknanya juga boleh berubah disebabkan oleh perubahan sejarah, geografi dan tradisi yang berbeza. Oleh sebab itu, penggunaan dan konotasi pelbagai perkataan warna dalam bahasa juga berbeza. Penulis akan menggunakan perkataan-perkataan warna dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu sebagai contoh, membincangkan penggunaan dan konotasi warna putih, hitam, merah, kuning dan hijau dalam kedua-dua bahasa tersebut, serta cuba meninjau ciri-ciri semantik dalam perkataan-perkataan warna dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu, termasuklah dari dimensi kebudayaan dan emosi.

Asosiasi Dan Makna Kata Warna

Warna pada dasarnya ialah objek tanpa nyawa, tetapi apabila ia dihubungkan dengan manusia yang memiliki emosi serta perasaan, ia menjadi simbol kepada aktiviti psikologi manusia. Apabila kita melihat warna-warna yang berbeza, warna tersebut dapat melahirkan perasaan yang berbeza dalam psikologi manusia. Dengan ini, warna sebenarnya mempunyai fungsi untuk menzahirkan emosi seperti bahasa. Walau bagaimanapun, warna itu sendiri pada mulanya tidak mempunyai emosi, ia hanya akan menghasilkan pelbagai asosiasi setelah berhubungan dengan manusia dalam pelbagai aktiviti sosial dan perkaitan tersebut berbeza kerana faktor sejarah, budaya, geografi dan lain-lain.

Fan Xiaomin dan Cui Fengjuan menganalisis ciri semantik dalam perkataan-perkataan warna dan berpendapat bahawa terdapat lima ciri semantik dalam perkataan warna, termasuklah ciri-ciri budaya dan emosi. Bagi kedua-dua penulis itu, bahasa merupakan pembawa budaya dan penggunaan bahasa tidak dapat dipisahkan daripada budaya. Mengenai perkataan warna, disebabkan oleh persekitaran budaya yang berbeza, kecenderungan warna oleh masyarakat yang berlainan juga berbeza. Inilah yang disebut sebagai ciri budaya perkataan warna; manakala dari segi emosi, manusia menunjukkan perasaan gembira, marah, sedih dan sebagainya melalui perubahan ekspresi muka, termasuk perubahan mimik muka dan tindak balas otot muka serta perubahan warna kulit. Perubahan emosi akan mengakibatkan perubahan terhadap warna kulit. Seterusnya, ia menghasilkan perkataan warna dalam bahasa Mandarin, seperti “面红耳赤-miàn hóng ēr chì” dengan maksud kata dasarnya “muka merah telinga merah” yang menggambarkan muka yang menjadi kemerah-merahan akibat gugup, tidak sabar, malu, marah dan sebagainya.

Putih (白-Bái)

Dalam kebudayaan masyarakat Cina, warna putih dianggap sebagai warna yang seharusnya dielakkan. Warna putih sering dikaitkan dengan kekosongan, kekurangan warna dan simbol kematian serta petanda yang buruk. Sejak zaman awalnya lagi, masyarakat Cina mengenakan pakaian putih dan merentangkan kain putih di atas pintu dengan tingkap ditutup oleh kertas putih sebagai tanda isi rumah sedang berkabung. Bukan itu sahaja, masyarakat Cina di

Malaysia juga mengelar acara perkabungan atau pengebumian sebagai “白事-bái shì” yang diterjemahkan sebagai “hal putih”.

Penggunaan warna putih dalam perbendaharaan kata dalam bahasa Mandarin turut membawa maksud usaha atau pekerjaan yang sia-sia serta membazir tenaga. Antara contoh gabungan kosa kata tersebut adalah seperti “白费力气-bái fèi lì qì”, “白干-bái gàn”, “白忙-bái máng” dan “白白-bái bai”. Ia mempunyai maksud yang hampir sama iaitu membuang tenaga dan melakukan sesuatu pekerjaan secara sia-sia kerana akhirnya tidak mendapat hasil yang diinginkan. Manakala “白搭-bái dā” membawa maksud tidak berguna atau tidak mendatangkan faedah.

Selain itu, warna putih juga dikaitkan dengan kejahanatan, kegagalan, tidak jujur dan kebodohan. Contohnya, seperti “白脸奸臣-bái liǎn jiān chén” yang bermaksud “pengkhianat bermuka putih” yang merujuk kepada individu curang dan licik; “白骨精-bái gǔ jīng” merujuk kepada watak jahat dalam novel klasik Cina agung pada zaman Dinasti Ming iaitu Perjalanan ke Barat; “白痴-bái chī” yang bermaksud dungu; “白吃-bái chī” yakni orang yang hanya tahu makan, tetapi tidak tahu membuat kerja.

Perkataan “升白旗-shēng bái qí” pula bermaksud “mengibarkan bendera putih” sebagai tanda menyerah kalah, mempunyai maksud dan perkataan yang sama dengan “bendera putih” dalam bahasa Melayu. Ia juga bermaksud suatu cara untuk menunjukkan perdamaian atau pengecualian daripada perang serta menandakan salah satu pihak yang berperang menyerah diri atau menginginkan gencatan senjata.

Ungkapan bahasa Mandarin “外黃內白-wài huáng nèi bái” “luar kuning dalam putih” atau “黃皮白心-huáng pí bái xīn” “kulit kuning hati putih”, umpama buah pisang, merupakan sindiran kepada masyarakat Cina yang bersikap kebaratan kerana mereka menitikberatkan pendidikan dan pertuturan dalam bahasa Inggeris sehingga tidak pandai bertutur dalam bahasa ibunda sendiri sekali gus kehilangan jati diri. Ungkapan ini seakan-akan menyerupai peribahasa Melayu iaitu “putih di luar, kuning di dalam” yang bermaksud tidak sepadan di luar dan dalam. Tetapi peribahasa ini juga mempunyai maksud lain iaitu seseorang yang kelihatan baik atau bersih di luar, tetapi sebenarnya jahat atau berniat keji dalam hatinya.

Dari sudut teater klasik Cina iaitu Opera Beijing pula, watak yang mengenakan mekap atau topeng putih merujuk kepada watak yang licik dan jahat.



**Gambar 1: Watak Licik Dan Jahat Dalam Babak Teater Opera Beijing
“Cao Cao Dan Yang Xiu”**

Sumber: Cao Cao in Beijing Opera.JPG. In Wikipedia.

https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Cao_Cao_in_Beijing_Opera.JPG

Terdapat simpulan bahasa dalam bahasa Melayu dengan perkataan putih yang turut mempunyai makna yang serupa dengan bahasa Mandarin iaitu “putih mata”. Ia membawa maksud kecewa atau gagal kerana harapan yang kecundang, hampa (tidak mendapat apa-apa yang diingini), terlepas peluang atau mendapat malu. Meskipun demikian, “白眼-bái yǎn” iaitu kata dasarnya juga “putih mata” dalam bahasa Mandarin mempunyai erti yang berbeza daripada bahasa Melayu dengan makna tersiratnya adalah pandangan sinis, acuh tak acuh atau sikap menghina yang ditujukan kepada orang lain.

Dalam kebudayaan masyarakat Melayu, warna putih memiliki konotasi yang jelas dengan kematian dan upacara pengebumian. Kosa kata “putih tulang” bermaksud mati dan dalam peribahasa Melayu “biar putih tulang, jangan putih mata” membawa pengertian lebih baik mati daripada menanggung malu, manakala “putih tulang dikandung tanah” bermaksud budi bahasa yang baik itu tidak akan dilupakan orang. Terdapat beberapa faktor sejarah dan budaya yang menyebabkan warna putih diasosiasikan dengan kematian dalam masyarakat Melayu. Antaranya, pengaruh tradisi Islam iaitu kain kafan yang digunakan untuk menyelimuti jenazah adalah berwarna putih dan pemilihan pakaian putih dalam upacara kematian.

Selain itu, warna putih dianggap sebagai warna yang suci, bersih, baik dan melambangkan kebersihan dan ketenangan bagi masyarakat Melayu. Perkataan “putih bersih” menggambarkan sesuatu yang sangat bersih dan tidak berwarna; “putih mulus” menggambarkan sesuatu yang sangat putih dan tidak ada cacat cela; “putih hati” merupakan ungkapan yang merujuk kepada seseorang yang tulus, baik hati, ikhlas dan jujur; “putih berseri” yang menggambarkan kulit seseorang yang cerah bersinar dan kelihatan sihat. Sementara itu, peribahasa Melayu iaitu “hitam dikatakan putih; putih dikatakan hitam” merujuk kepada yang buruk dikatakan baik, yang baik dikatakan buruk. Jelas, perkataan “putih” dalam peribahasa ini merujuk kepada kebaikan. Dalam bahasa Mandarin pula, “白道-bái dào” iaitu “laluan putih” bermaksud perbuatan, tindakan atau orang baik yang juga merujuk kepada kebaikan.

Pilihan utama warna untuk pakaian pengantin dalam masyarakat Melayu sewaktu acara akad nikah adalah putih sebagai tanda kesucian dan kesetiaan dalam perkahwinan. “Putih kapas boleh dilihat, putih hati berkeadaan” merujuk kepada kesetiaan atau lurus hati seseorang yang dapat dilihat daripada kelakuannya. Justeru, “putih” dalam peribahasa ini bermaksud kesetiaan.

Sebagai tambahan, dalam konteks budaya Melayu, ungkapan “orang putih” dan dalam bahasa Mandarin “白人-bái rén” yang juga bermaksud “orang putih” mempunyai maksud yang sama

iaitu merujuk kepada ras Kaukasoid yakni orang Barat secara umum. Istilah ini sering digunakan untuk merujuk kepada orang-orang yang memiliki kulit putih atau cerah, umumnya mereka yang berasal daripada negara-negara Eropah atau Amerika Utara.

Manakala “kolar putih” dalam bahasa Melayu dan “白領-bái lǐng” juga “kolar putih” dalam bahasa Mandarin mempunyai makna yang sama iaitu merujuk kepada pekerja yang melakukan pekerjaan yang tidak melibatkan kerja manual, lazimnya bidang yang memerlukan kepakaran pentadbiran atau pengurusan.

Terdapat juga penggunaan putih dalam peribahasa dan simpulan bahasa dalam bahasa Melayu yang mempunyai maksud berlainan seperti “darah putih” iaitu keturunan bangsawan; “putih tapak kaki” iaitu lari sekuat-kuatnya; “hidung putih” merujuk kepada lelaki yang suka mengganggu perempuan; “hitam tahan timpa, putih tahan sesah” yang bermaksud tetap tidak berubah dan boleh dikaji keasliannya. Manakala, simpulan bahasa dalam bahasa Mandarin “白璧无瑕-bái bì wú xiá” “jed putih sempurna” bermaksud sesuatu yang sempurna dan tiada cacat cela.

Secara keseluruhannya, terdapat banyak pembentukan kata yang menggunakan warna putih dalam kedua-dua bahasa dan terdapat persamaan dari segi maksud, budaya serta aktiviti sosial yang simbolik dengan warna putih. Namun begitu, makna kata putih dalam bahasa Mandarin lebih bersifat negatif, sementara dalam bahasa Melayu, ia lebih bersifat positif. Asosiasi warna putih dalam bahasa Mandarin cenderung kepada kematian, bahaya dan sikap-sikap keji, namun dalam bahasa Melayu, warna putih lebih melambangkan kesucian, kebersihan dan kemakrufan.

Hitam (黑-Hēi)

Selain warna putih, bagi masyarakat Cina, warna hitam juga dianggap sebagai simbol perkabungan. Oleh sebab itu, masyarakat Cina mengenakan pakaian hitam sewaktu upacara perkabungan dilangsungkan. Budaya dan kebiasaan ini turut diamalkan dalam masyarakat Melayu. Malah, dalam bahasa Mandarin warna hitam melambangkan kekejaman, kegelapan, kejahatan, keburukan dan perbuatan haram yang salah di sisi undang-undang. Contohnya “黑心-hēi xīn” dengan kata dasarnya “hitam hati” yang bermaksud niat atau sifat jahat dan tindakan khianat dan keji; “抹黑-mǒ hēi” “lap hitam” yang bermaksud memfitnah atau menghina dengan tujuan untuk memburukkan nama baik seseorang; “黑户- hēi hù” “penduduk hitam” yang bermaksud penduduk haram atau penduduk tanpa dokumen yang sah; “黑市-hēi shì” dengan kata dasarnya “pasar hitam” yang merujuk kepada pasar gelap atau tempat menjalankan perdagangan yang salah di sisi undang-undang, seperti perniagaan barang terlarang atau barang seludup; “黑货-hēi huò” iaitu “barang hitam” yang maksud tersiratnya merujuk kepada barang-barang larangan, seperti senjata api dan narkotik yang boleh mendatangkan impak negatif kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.

Perkataan “黑钱-hēi qián” iaitu “wang hitam” merujuk kepada duit yang diperoleh melalui aktiviti haram seperti rasuah, penipuan, aktiviti pencucian wang haram, perdagangan barang haram dan aktiviti jenayah yang lain; “黑帮-hēi bāng” “kumpulan hitam” dan “黑社会-hēi shè

hui” “masyarakat hitam” yang bermaksud kongsi gelap atau samseng yang melakukan pelbagai kejahanan; “**黑枪-hēi qīāng**” “pistol hitam” yang bermaksud senjata api haram yang diperoleh melalui saluran yang tidak sah; “**黑店-hēi diàn**” dengan kata dasarnya “kedai hitam” yang bermakna kedai haram atau kedai gelap kerana tempat perniagaan terbabit beroperasi secara haram iaitu kegiatan yang melanggar undang-undang dan etika; “**黑手-hēi shǒu**” “tangan hitam” yang bermaksud individu yang terlibat dalam aktiviti jenayah; “**黑市夫人-hēi shì fū rén**” “wanita pasaran hitam” yang bermaksud wanita yang terlibat dalam aktiviti perdagangan haram; “**黑道-hēi dào**” “laluan hitam” yang merujuk kepada rangkaian atau organisasi jenayah yang beroperasi di bawah tanah dan terlibat dalam pelbagai aktiviti jenayah, seperti pengedaran dadah, peras ugut, perjudian haram dan lain-lain.

Dalam bahasa Mandarin, warna hitam juga mempunyai maksud rahsia, sulit dan samar. Contohnya, “**黑信-hēi xìn**” “surat hitam” yang bermaksud khabar angin palsu dan desas-desus merepek; “**黑不溜秋-hēi bu liū qiū**” “gelap gelita” yang digunakan secara metafora untuk merujuk kepada sesuatu yang samar atau kabur; “**黑点-hēi diǎn**” “titik hitam” yang bermaksud hal yang tidak boleh dilihat atau diketahui orang lain; “**黑话-hēi huà**” “percakapan hitam” yang bermaksud bahasa rahsia yang digunakan untuk membincangkan rancangan sulit agar tidak diketahui oleh orang lain; “**黑幕-hēi mù**” “tirai hitam” yang merujuk kepada perancangan yang dilakukan secara tersembunyi atau di luar pengetahuan orang ramai.

Namun begitu, dari sudut teater tradisional Cina (Opera Beijing), watak yang mengenakan mekap atau topeng hitam merujuk kepada watak yang lurus dan suka berterus terang.



Gambar 2: Watak “包公-Bāo Gōng**” Dalam Opera Beijing, Seorang Yang Jujur Dan Lurus Dalam Menegakkan Keadilan**

Sumber: Bao Zheng in Beijing opera.JPG. In Wikipedia.

https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Bao_Zheng_in_Beijing_operajpg

Ungkapan “**黑人-hēi rén**” “orang hitam” dalam bahasa Mandarin pula merujuk kepada orang yang memiliki kulit hitam atau penduduk di benua Afrika. Namun begitu, istilah ini perlu digunakan secara waspada dan penuh hormat, bahkan tidak boleh digunakan untuk tujuan merendah-rendahkan mana-mana kumpulan etnik atau mengejek warna kulit dan bentuk luaran seseorang. Selain itu, terdapat istilah yang membawa maksud dan konteks selain yang telah dinyatakan di atas, seperti “**黑马-hēi mǎ**” dalam bahasa Mandarin dan “kuda hitam” dalam

bahasa Melayu yang mempunyai maksud tersirat yang sama dalam kedua-dua bahasa tersebut. Ia merujuk kepada individu, pasukan, syarikat atau entiti lain yang dianggap sebagai calon yang tidak dijangka, tetapi berpotensi untuk mencapai kejayaan atau kemenangan.

Dalam bahasa Melayu, warna hitam juga mempunyai makna yang mirip dengan bahasa Mandarin iaitu makna yang tidak baik seperti gelap, sulit atau rahsia, penipuan, kejahatan dan lain-lain. Contohnya, “menghitamkan” dengan maksud tersirat memburuk-burukkan serta mencemarkan nama baik seseorang; “titik hitam” iaitu rekod yang tercemar; “buku hitam” bermaksud seseorang telah menjadi kebencian orang lain; “hitam hati” iaitu sifat atau perangai seseorang yang jahat, keji dan penuh kebencian; “hitam putih” merujuk kepada perbezaan yang jelas antara kebaikan dan kejahatan, kebenaran dan penipuan. Dalam hubungan ini, warna hitam merujuk kepada kejahatan dan penipuan; “senarai hitam” ialah senarai nama orang yang dikenakan sekatan atau larangan kerana terlibat dalam aktiviti terlarang; “daerah hitam” iaitu kawasan atau wilayah yang dianggap mempunyai kadar jenayah yang tinggi atau tempat yang berisiko tinggi; “hitam muka” merujuk kepada ekspresi wajah seseorang yang menunjukkan kemarahan atau kekecewaan yang ketara; “kambing hitam” merujuk kepada individu yang sengaja dipersalahkan atau dijadikan sebagai mangsa korban untuk menutup kesalahan pihak lain.

Peribahasa “hitam dikatakan putih, putih dikatakan hitam” bermaksud memutarbelitkan fakta (atau kebenaran) kerana warna hitam merujuk kepada fakta palsu; “hitam menjadi putih, putih menjadi hitam” merujuk kepada perubahan drastik atau pemalsuan fakta. Di sini, warna hitam merujuk kepada fakta yang salah; “hitam di mata, hitam di hati” merujuk kepada persepsi negatif seseorang terhadap sesuatu; “hitam tidak akan hilang, putih tidak akan tiba” bermakna kebenaran yang tidak dapat disembunyikan; “ada hitam ada putih” bermaksud keseimbangan antara yang baik dan yang jahat. Sekali lagi, warna hitam melambangkan kejahatan; “suruh putih hitam datang” iaitu kemuliaan yang dikehendaki, kehinaan yang diperoleh; “hitam bagi pantat belanga” yakni perihal keburukan tabiat seseorang; “hitam gagak tiada siapa yang mencelupnya” iaitu orang yang berlaku jahat dengan kemahuannya sendiri.

Terdapat juga penggunaan hitam dalam peribahasa dan simpulan bahasa dalam bahasa Melayu yang mempunyai maksud yang berlainan daripada yang telah dinyatakan di atas, seperti “rambut sama hitam, hati masing-masing” yakni setiap orang mempunyai pendapatnya sendiri atau hati seseorang dapat dilihat daripada sikapnya; “hitam mata itu takkan boleh bercerai dengan putihnya” yang bererti kasih sayang antara pasangan yang bercinta sangatlah kuat; “hitam manis” digunakan untuk menggambarkan warna kulit seseorang yang gelap, tetapi mempunyai ciri-ciri yang menarik atau menawan; peribahasa “hitam-hitam gula jawa” bermaksud sungguhpun hitam, namun manis dipandang. Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa asosiasi dan makna warna hitam dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu lebih cenderung kepada erti yang negatif, dengan beberapa pengecualian, seperti disentuh tadi.

Merah (紅Hóng)

Bagi masyarakat Cina, merah dan hitam-putih memiliki makna yang bertentangan. Mereka menganggap warna merah sebagai warna yang membawa keberuntungan, kegembiraan, keberkatan dan mampu menolak anasir-anasir yang jahat. Warna merah juga melambangkan kemenangan, kesihatan, kejayaan, kehormatan dan keuntungan. Oleh itu, sambutan Tahun Baharu Cina dipenuhi dengan hiasan, pakaian dan barang yang serba-serbi merah dengan suasana meriah kemerah-merahan. Majlis perkahwinan dalam bahasa Mandarin disebut

sebagai “**红事**-hóng shì” dengan terjemahan secara langsung “hal merah” dan ditambah lagi dengan pakaian tradisional pengantin Cina yang berwarna merah dan pemberian wang sumbangan yang diisi dalam sampul berwarna merah. Ia dikenali sebagai “angpau” dalam bahasa Melayu dan “**红包**-hóng bāo” dalam bahasa Mandarin.



Gambar 3: Set Pakaian Tradisional Pengantin Cina Bertapak Satin Merah Bersulam Emas Dengan Hiasan Manik

Sumber: Fashion Hanfu Ancient Chinese Wedding Dress Traditional Wedding Clothing Cheongsam Dress.
<https://www.fashionhanfu.com/product/traditional-chinese-bride-dress/>

Frasa seperti “**满堂红**-mǎn táng hóng” iaitu “rumah penuh dengan merah” merujuk kepada suasana yang meriah dan gembira; simpulan bahasa “**红光满面**-hóng guāng mǎn miàn” “merah memenuhi muka” yang boleh kita fahami sebagai wajah yang berseri-seri kerana perasaan gembira atau kesihatan yang baik; “**红利**-hóng lì” “keuntungan merah” iaitu dividen atau keuntungan terhadap pemegang saham atau pelaburan; “**花红**-huā hóng” dengan kata dasar “bunga merah” yang bermaksud bonus berbentuk wang tunai yang diberikan sempena perayaan oleh majikan kepada pekerja. Kesemua contoh di atas menyerlahkan merah yang dikaitkan dengan keuntungan, kesihatan dan sebagainya.

Selain itu, warna merah dikaitkan dengan kemasyhuran atau populariti seperti “**走红**-zǒu hóng” “jalan merah” yang bermakna terkenal atau mendapat pengiktirafan dalam bidang tertentu seperti seni, hiburan atau perniagaan; “**红人**-hóng rén” yakni “orang merah” yang boleh diterjemahkan sebagai artis, selebriti atau orang terkenal dalam bidang hiburan atau media sosial; “**网红**-wǎng hóng” “rangkaian merah” yang boleh difahami sebagai pempengaruh atau artis media sosial. Ia merujuk kepada individu yang mendapat populariti melalui platform media sosial, seperti *youtube*, *instagram*, *facebook* atau *tiktok*.

Warna merah dalam bahasa Mandarin turut merujuk kepada wanita atau gadis cantik, seperti “**红娘**-hóng niáng” “ibu merah” yang merujuk kepada wanita yang memainkan peranan penting sebagai pemudah cara dalam usaha pencarian jodoh iaitu istilah Mak Andam dalam bahasa Melayu; “**红颜**-hóng yán” dengan terjemahan “merah cantik” yang digunakan untuk merujuk

kepada kecantikan atau daya tarikan seseorang wanita; simpulan bahasa “**红颜知己**-hóng yán zhī jǐ” dengan kata dasar “merah cantik yang memahami” digunakan untuk merujuk kepada perempuan jelita yang tidak mempunyai hubungan percintaan dengan seseorang lelaki, sebaliknya ia mempunyai pertalian persahabatan yang akrab dengan lelaki tersebut; manakala simpulan bahasa “**红颜祸水**-hóng yán huò shuǐ” “merah cantik bencana” bermakna bencana yang disebabkan oleh wanita cantik. Contohnya, kehadiran wanita cantik sebagai sahabat akrab kepada lelaki yang telah mempunyai pasangan akan menimbulkan masalah atau konflik; “**红男绿女**-hóng nán lǜ nǚ” menggambarkan pasangan dua sejoli iaitu lelaki tampan dan perempuan rupawan (perkataan merah juga melambangkan wanita). Seterusnya, ungkapan “**红杏出墙**-hóng xìng chū qiáng” “merah keluar tembok” bermakna wanita yang sudah berkahwin, namun mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain.

Dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu, terdapat beberapa kosa kata berkaitan dengan merah yang memiliki persamaan makna. Misalnya, “**面红耳赤**-miàn hóng ěr chì” dengan maksud kata dasarnya “muka merah telinga merah” dan dalam bahasa Melayu “merah muka” mempunyai erti yang sama iaitu muka yang menjadi kemerah-merahan akibat perasaan gugup, tidak sabar, malu, marah dan sebagainya. Terdapat juga kosa kata yang sama dalam kedua-dua bahasa tersebut, tetapi mempunyai maksud yang berbeza. Contohnya, “**眼红**-yǎn hóng” “mata merah” bermaksud cemburu atau iri hati, manakala dalam bahasa Melayu, “merah mata” bermaksud seseorang yang mempunyai minat atau keinginan yang sangat kuat terhadap sesuatu sehingga menjadi obsesif atau tamak terhadapnya.

Merah dalam bahasa Melayu juga mempunyai maksud marah. Ini berkait rapat dengan perubahan emosi: kebiasaannya perasaan marah boleh membuatkan muka berubah menjadi kemerah-merahan, seperti “merah menyala”, “merah padam” dan “merah marak”. Selain itu, simpulan bahasa “merah dipadamkan, hitam dilupakan” merujuk kepada proses memaafkan dan melupakan kesalahan seseorang dan perkataan merah dalam simpulan bahasa ini turut melambangkan kemarahan. Berlunaskan penggunaan dan asosiasi perkataan berwarna merah dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu, seperti dicerakin di atas, dapat dilihat bahawa terdapat konsistensi dalam penggunaan perkataan tersebut sebagai mewakili “muka” atau “wajah”, terutamanya dalam menyampaikan emosi dan perasaan marah atau malu.

Kuning (黃-Huáng)

Selain warna merah, warna kuning juga sangat disenangi oleh masyarakat Cina. Bagi mereka, kuning dianggap sebagai “warna agung” atau “warna kehormatan”. Begitu juga dengan masyarakat Melayu. Warna kuning menjadi warna eksklusif untuk kaisar pada zaman klasik dalam sejarah China, khasnya selepas pemerintahan Dinasti Sui dan Tang. Kuning juga memiliki makna simbolik yang sama dalam budaya Melayu. Pada majlis pertabalan raja atau sultan, pakaian kebesaran dan singgahsana yang digunakan seluruhnya berwarna kuning.



Gambar 4: Tengkolok Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Yang Diperbuat Daripada Kain Songket Berwarna Kuning Dipakai Oleh Tuanku Sultan Dalam Majlis Rasmi Negeri, Seperti Hari Pertabalan Dan Hari Keputeraan

Sumber: Pakaian Hulu Raja-raja Melayu.

<https://warisanpermaisuri.blogspot.com/2012/01/pakaian-hulu-raja-raja-melayu.html#:~:text=Tengkolok%20DYMM%20Sultan%20Selangor%20yang,Pertabalan%20dan%20juga%20hari%20keputeraan.>



Gambar 5: “Jubah Naga” Yang Dipakai Oleh Kaisar Pada Zaman Pemerintahan Dinasti Qing Iaitu Maharaja Qian Long di China

Sumber: Dragon robe. (2024, March 3). In *Wikipedia*.

https://en.wikipedia.org/wiki/Dragon_robe

Bagi masyarakat Cina, kuning juga membawa makna keberuntungan dan kejayaan yang sama persis maknanya dengan warna merah. Contohnya, “黃道吉日-huáng dào jí rì” dengan kata dasarnya “hari baik mengikut jalan kuning” merujuk kepada perhitungan astrologi atau peramalan yang dilakukan untuk menentukan hari yang dianggap baik untuk melakukan sesuatu, seperti melangsungkan perkahwinan, memulakan perniagaan atau aktiviti penting yang lain; “黃金时代-huáng jīn shí dài” “zaman emas kuning” merujuk kepada era kemajuan dan kemakmuran; “黃粱一梦-huáng liáng yī mèng” dan “黃粱美梦-huáng liáng měi mèng” merujuk kepada sesuatu yang merupakan impian atau kejayaan walaupun hanyalah mimpi atau khayalan.

Namun begitu, terdapat juga gabungan perkataan dengan kuning yang mengandungi konotasi bersifat negatif. Contohnya, “黃泉-huáng quán” yakni “mata air kuning” merujuk kepada alam selepas kematian atau neraka. Istilah dalam bahasa Melayunya ialah “alam barzakh” . Maka

dengan ini, gabungan perkataan lain seperti “赴黃泉-fù huáng quán” bermaksud “pergi ke alam lain” dan “命喪黃泉-mìng sàng huáng quán” “nyawa melayang ke alam lain” merujuk kepada seseorang yang telah meninggal dunia akan pergi ke alam roh atau kehidupan selepas kematian, menurut kepercayaan masyarakat Cina. Perkataan lain yang bersifat negatif, seperti “黃花女儿-huáng huā nǚ ér” atau “黃花闺女-huáng huā guī nǚ” “gadis bunga kuning” merujuk kepada wanita yang sudah berumur, tetapi belum berkahwin; “面黃肌瘦-miàn huáng jī shòu” “muka kuning dan kurus” menggambarkan seseorang yang memiliki kulit wajah yang pucat dan tubuh yang kurus disebabkan oleh penyakit atau kekurangan gizi; “明日黃花-míng rì huáng huā” “bunga kuning esok hari” merujuk kepada sesuatu yang sudah berlalu dan tidak lagi relevan.

Dalam bahasa Melayu dan bahasa Mandarin, terdapat istilah “otak kuning”, “lawak kuning”, “**黄色笑话**-huáng sè xiào huà” juga “lawak kuning”, “**黄色书刊**-huáng sè shū kān” “majalah kuning”, “**黄色文学**-huáng sè wén xué” “sastera kuning”, “**黄色电影**-huáng sè diàn yǐng” “filem kuning” dan “**扫黄行动**-sǎo huáng xíng dòng” “operasi kuning”. Kesemuanya ini memiliki makna yang kurang baik kerana dipengaruhi oleh budaya Barat yang memperkenalkan konotasi negatif terhadap warna kuning, terutamanya dalam konteks perlakuan pornografi dan erotik.

Peribahasa bahasa Melayu, “harapkan kuning kuah kambeh, cangkuk terubuk ditinggalkan” bermaksud mengharapkan keuntungan besar yang belum tentu diperoleh, namun keuntungan kecil yang sudah tentu diperoleh, dilepaskan pula; “kuning oleh kunyit, hitam oleh arang” bermaksud orang yang tidak berpendirian tetap dapat dihasut atau dipengaruhi oleh orang lain. Dalam bahasa Melayu, penggunaan asosiasi warna kuning mungkin tidak sebanyak dalam bahasa Mandarin. Warna kuning sering kali dikaitkan dengan benda seperti “kunyit” atau “pisang emas”. Terdapat pepatah “sirih kuning” yang digunakan untuk menggambarkan kecantikan atau keelokan seseorang wanita. Warna kuning dalam konteks ini boleh diasosiasikan dengan keindahan semula jadi, kesegaran atau keceriaan.

Hijau (青-Qīng/ 绿-Lǜ)

Dalam bahasa Mandarin, warna hijau menimbulkan asosiasi dengan warna tumbuh-tumbuhan dan alam sekitar. Ungkapan “青山绿水-qīng shān lǜ shuǐ” “bukit hijau, air hijau” merujuk kepada tempat yang baik dengan pemandangan yang indah dan mempunyai gunung-ganang yang cantik dan air yang bersih; “绿意盎然-lǜ yì àng rán” “kehijauan melimpah ruah” yakni dahan dan dedaun yang tumbuh rimbun subur dan merebak ke semua arah; “青葱翠绿-qīng cōng cuì lǜ” “hijau zamrud” biasanya digunakan untuk menghuraikan keadaan warna tumbuh-tumbuhan yang hijau dan subur. Dalam bahasa Melayu juga mempunyai perkataan hijau yang berkait dengan alam sekitar, seperti “teknologi hijau”. Ia merujuk kepada penggunaan teknologi yang lebih mesra alam dan mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Hijau dalam bahasa Mandarin juga mempunyai makna “masa muda”, “muda remaja” dan “pemuda”. Contohnya, kosa kata “青春-qīng chūn” “hijau musim bunga” dan “青年-qīng

nián” “hijau tahun” yang bermaksud belia; “青梅竹马-qīng méi zhú mǎ” “plum hijau buluh kuda” yang bermaksud lelaki dan perempuan yang bersahabat baik semenjak kecil atau muda. Dalam bahasa Melayu pula, contoh perkataan hijau yang mirip maksudnya adalah seperti “kepala hijau”. Ia menggambarkan seseorang yang masih muda atau mentah dan belum mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam sesuatu perkara; peribahasa “hijau kuning belum masak, hijau sudah busuk” yang bererti orang yang belum berumur tua, tetapi sudah kurang sihat akalnya juga merujuk hijau sebagai usia yang muda.

Namun begitu, dalam bahasa Mandarin moden, warna hijau juga mempunyai makna yang merendahkan dan tidak baik. Contohnya, “戴绿帽-dài lǜ mào” “memakai topi hijau” merujuk kepada situasi seorang suami dikhianati oleh isterinya dalam konteks perselingkuhan atau kecurangan pasangan; “绿茶-lǜ chá” “teh hijau” maksud dasarnya hanyalah teh hijau, namun ia juga mempunyai maksud tersirat lain iaitu perempuan yang kelihatan bersih dan baik di hadapan umum, tetapi sebenarnya licik dan lincah memanipulasi. Ia bersamaan dengan simpulan bahasa dalam bahasa Melayu yakni “bermuka-muka”; “绿婊子-lǜ biāo zi” “jalang hijau” boleh diertikan sebagai wanita licik atau wanita hipokrit dan sering kali memanipulasikan hubungan antara pasangan kekasih atau suami isteri serta mempermainkan perasaan orang.

Warna hijau merupakan warna identik bagi masyarakat Melayu yang menganuti agama Islam. Menerusi surah Al-Kahfi ayat ke-31 difirmankan: “Mereka itulah (orang-orang yang) bagi mereka syurga 'Adn, mengalir sungai-sungai di bawahnya; dalam syurga itu mereka dihiasi dengan gelang emas dan mereka memakai pakaian hijau dari sutera halus dan sutera tebal.”; surah Al-Insan ayat ke-21 yang bermaksud: “Mereka memakai pakaian sutera halus yang hijau dan sutera tebal.” Dengan ini, dapat dilihat bahawa sifat pakaian penghuni syurga adalah pakaian sutera yang berwarna hijau. Selain itu, semasa sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri, masyarakat Melayu di Malaysia lazimnya mengedarkan wang raya dalam sampul hijau kepada sanak saudara, kanak-kanak, orang tua, kaum miskin dan sebagainya. Malah, barang-barang perhiasan dan peragaan dalam perayaan ini juga lebih cenderung berwarna hijau kerana perkaitan intimnya dengan suasana syurgawi dalam Islam.

Kesimpulan

Daripada perkataan-perkataan warna yang dikupas secara komparatif tadi (melibatkan bahasa Mandarin dan bahasa Melayu), kita dapat memahami keunikan budaya, perasaan dan emosi dalam kedua-dua bahasa ini. Pendekatan kepada warna putih, hitam, merah, kuning dan hijau dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu dapat mencerminkan aspek budaya dan emosi daripada kedua-dua bahasa tersebut. Chen Tianlai dan Huang Miaoyun berpendapat perkataan warna dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu mengandungi kekayaan makna dalam kerangka kebudayaan masing-masing. Ini seiring dengan pandangan Xiang Xijun dan Wang Xuege. Bagaimanapun, makna yang dipaparkan oleh konotasi dan penggunaan dalam kedua-dua bahasa adalah berbeza kerana perbezaan faktor geografi, budaya, agama, adat istiadat dan sebagainya. Pada hemat penulis, dalam pengajaran perkataan yang berkait dengan warna, khasnya bahasa Mandarin dan bahasa Melayu, ia dapat membantu pelajar untuk memahami konsep makna kata dan makna budaya di sebalik warna. Dengan memahami perbezaan dan persamaan antara kedua-dua bahasa, ia bukan sahaja mampu membantu kita untuk menterjemah dan memahami perkataan, bahkan emosi, budaya dan sejarah bangsa tertentu, di

sebalik gaya bahasa atau penggunaan perkataan warna, khususnya dalam perbualan dan pembentukan kata.

Pengakuan

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd, yang mewujudkan Skim Geran Penerbitan untuk projek ini yang merupakan satu peluang yang baik untuk berkongsi hasil kerja dalam kajian atau artikel serta pengetahuan dalam bidang yang dipelopori.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada mereka yang telah memberikan sumbangan idea, sokongan dan bantuan dalam penulisan dan penerbitan ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan penyelidik saya. Saya menghargai masa dan usaha yang diluangkan dalam mencerahkan idea, mengumpul dan memproses maklumat sekaligus memastikan artikel ini berjaya dihasilkan.

Saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan setugas di Universiti Malaysia Sabah, khususnya rakan-rakan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa atas nasihat yang bernes dan bantuan; pengetahuan dan perspektif mereka yang banyak membantu saya dalam menjalankan kajian serta meneruskan penulisan ini. Selain menjadi sumber inspirasi utama, mereka juga membantu saya memahami dengan lebih baik dan menyelesaikan isu yang saya hadapi semasa menjalankan kajian serta penulisan saya. Terima kasih atas sokongan mereka dan keyakinan terhadap saya, yang membolehkan saya membuat sedikit kemajuan dalam bidang budaya dan bahasa, khususnya bahasa Mandarin.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli akademik yang telah menyemak hasil penulisan ini walaupun saya tidak mengetahui namanya dan dimana beliau bertugas. Penulisan ini banyak dibantu oleh komen dan cadangan ahli akademik yang membuat semakan. Saya sangat menghargai usaha mereka dan mendapat banyak manfaat daripada kepakaran dan pengetahuan mereka. Semoga penulisan ini dapat menjadi rujukan dan bacaan ilmiah yang berguna kepada para pembaca. Terima kasih.

Rujukan

- Achmad Sopandi Hasan. (2017). Nilai-nilai Perwatakan Melayu dalam Imej Warna: Satu Penelitian Etnografi Seni. Diakses pada 20 Mac 2024. <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/356/>
- Ali, A. H., & Loap Ahmad, A. Z. (2010). Warna Hitam dalam Sajak Usman Awang dan Mila Karlo: Satu Analisis Semiotik Charles Sander Peirce. *Jurnal Peradaban Melayu*, 6, 25–33.
- Chen Tianlai dan Huang Miaoyun. (2019). Hanyu he Malaiyu Jiben Yanseci Duibi Yanjiu. Diakses pada 20 Mac 2024. <https://11nq.com/8uq0W>
- Fan Xiaomin dan Cui Fengjuan. (2007). Yinghan Yanseci de Yuyi Tezheng Fenxi. *Jurnal Institut Teknologi Liaoning*. Jilid 9 (Fasa 1).
- Guimei He. (2009). English and Chinese Cultural Connotation of Color Words in Comparison. *CCSE Asian Social Science Journal*. Vol 5, No. 7, July 2009.
- Ika Rama Suhandra. (2019). Studi Komparatif Makna Konotasi Warna dalam Budaya Masyarakat Barat dan Masyarakat Susu Sasak Lombok Indonesia. *Cordova Jurnal. Jurnal Kajian Bahasa dan Budaya UPT*. Vol. 9, No. 1 2019.

- Jifang Qiu & Yutong He. (2024). A Study of Colour Words in Chinese, Tibetan and Yi Languages. *Proceedings of the 2nd International Conference on Social Psychology and Humanity Studies*. DOI: 10.54254/2753-7048/47/20240920
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Lee Pin Ling & Thomas Chow Voon Foo (2017). *The Malay and Chinese Connotation of Colours. Prosiding Seminar Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu-China (STBBMC) 2017*, 13-14 Mei 2017.
- Nurizzati Binti Ismail (2014). Peranan Warna Dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin. *Tesis Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan*. Universiti Sains Malaysia.
- Rong Chen. (2021). Cultural Differences and Transaltion of Chinese and English Color Words. *Bilingual Publishing Co. Review of Educational Theory*. Volume 04 (Issue 01), January 2021.
- Xiandai Hanyu Guifan Cidian*. (2019). United Publishing House (Malaysia) Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.
- Xiang Xijun dan Wang Xuege. (2020). Tan Duiwai Hanyu Jiaoxuezhong de Yanseci. Diakses pada 20 Mac 2024. <https://11nq.com/zh9HM>
- Zati Hazira Ismail. (2020). Warna-warna Tradisi Melayu untuk Rujukan Rekabentuk Kontemporari. *Jurnal Pengajian Melayu-JOMAS*, Jilid 31, 2020: 36-46.
- Zuhriah. (2018). Makna Warna dalam Tradisi Budaya; Studi Kontrastif antara Budaya Indonesia dan Budaya Asing. *Prodi S3 Linguistik Fakultas Ilmu Budaya Sekolah Pascasarjana*. Universitas Hasanuddin, Makassar.